

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 Jld. 3 (49)

19 Februari 2024
9 Sya'ban 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6/2024

BAYARAN INSENTIF AWAL KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui Belanjawan 2024, telah bersetuju supaya Bayaran Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00 dibayar kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana, Gred 56 dan ke bawah dan pegawai Gred Jawatan Utama/ Khas sebanyak RM1,000.00. Manakala bagi pesara Kerajaan dan veteran berpencen dan tidak berpencen diberi bayaran sebanyak RM1,000.00. Pemakluman ini dibuat melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA.800-3/2/4 (39)) bertarikh 6 Februari 2024 mengenai Bayaran Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024.

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Khas Bilangan 1/2024 bertarikh 9 Februari 2024 bersetuju supaya BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 56 dan ke bawah sebanyak RM2,000.00 dan gred Jawatan Utama/ Khas sebanyak RM1,000.00 bagi pegawai seperti berikut:

- 2.1 Pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS);
- 2.2 Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 2.3 Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 2.4 Pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 2.5 Pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya di mana BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar oleh agensi peminjam

3. Pemberian BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada staf kontrak lantikan tabung/ geran tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing dengan kadar maksimum sehingga RM2,000.00.

4. Universiti juga bersetuju memanjangkan pemberian BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini kepada pegawai lantikan *Contract for Service* (seperti lantikan Skim Akademik Fleksibel) dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) dengan kadar sebanyak RM1,000.00 hingga RM2,000.00 tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada tahun 2023 dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024.

5. Pesara yang dilantik semula secara kontrak di UTM layak dibayar BIA Kajian SSPA sebanyak RM2,000.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh UTM.

6. Sehubungan dengan itu, Bayaran Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024 ini akan dibayar pada 23 Februari 2024.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah